

8 8523 DAH
MAHATHIR - PERPADUAN

KUALA KUBU BAHARU, 19 DIS (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI BERKATA, BELIAU AKAN MEMBANA PERKARA MENGENAI RESOLUSI YANG DIPUTUSKAN PADA PERHIMPUNAN MELAYU NESERI JOHOR SEHALAM DALAM MAJLIS TERTINGGI (MT) PARTI UNTUK DIPERTIMBANGKAN.

KATANYA, BELIAU TIDAK INGIN MEMBUAT SEBARANG ULASAN TERHADAP RESOLUSI ITU HASA INI KERANA BINGKANG IA AKAN MEMPENGARUHI SIKAP MT.

+KALAU SAYA BAGI PENDAPAT SAYA, INI AKAN MEMPENGARUHI SIKAP MT DAN DALAM MT KITA BEBAS BERSUARA DAN TIDAK HARUS DIKONTRONG OLEH MANA-MANA PIHAK.+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SUNGAI CHOH DEKAT SINI, SELEPAS LANJUTAN SEHARI SUNTUK KE DAERAH HULU SELANGOR.

KATANYA LAGI, SOAL RESOLUSI ITU AKAN DIDANA KE MT UNTUK DISEMAK DAN MT AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN TENTANG SIKAP MT DAN UMNO TERHADAP RESOLUSI YANG TELAH DIPUTUSKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DIMINTA MENGULAS MENGENAI EMAN RESOLUSI YANG DIPUTUSKAN PADA PERHIMPUNAN MELAYU NESERI JOHOR SEHALAM YANG ANTARANYA BERIKHTIAR MENERUSI UNDANG-UNDANG UNTUK MEMASTIKAN UMNO KEKAL SEBAGAI PERTUBUHAN UMNO YANG TUNGGAL DI MALAYSIA. --LAGI
1909MST 19 12 88

MAHATHIR - PERPADUAN 2 KUALA KUBU BAHARU

RESOLUSI-RESOLUSI LAIN IALAH)

+ DIKENDALIKAN DAN DITERIMA SEMUA BEKAS KEANGGOTAAN UMNO JOHOR SECARA OTOMATIS DAN BERDAFTAR,

+ MERAKANKAN PEMERIMAAN KEPIMPINAN UMNO DI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG TELAH DIPILIH OLEH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA PADA 24 APRIL 1987 MENERUSI PRINSIP DAN AMALAN DEMOKRASI.

+ DITERIMA PRINSIP YANG SAMA UNTUK MENSEMBALIKAN KEPIMPINAN UMNO DI SEMUA PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN YANG TELAH DIBERI MANDAT DAN KEUDUKAN DALAM TAHUN 1987 MENSIKUT SEMANGAT MUSYAWARAH DAN MEREKA YANG TERLIBAT HENDAKLAH DIRUNDINGS SEHINGGA BERMULANYA MESYUARAT PEMILIHAN.

+ LANGKAH-LANGKAH POSITIF DIAMBIL BAGI DIKEMBALIKAN SEMULA PERLEMBAGAAN ASAL UMNO MENSIKUT PERUMTUKAN PERLEMBAGAAN UMNO YANG ADA SEKARANG SEBAGAI ASAS KESAHIHAN DAN KEPIMPINAN UMNO DI SEMUA PERINGKAT PERTUBUHANNYA ITU.

+ MEMUJUKKAN SUASANA YANG MENGALAKKAN KEPADA PERPADUAN, MUHIBBAH DAN SILATURRAHIM DAN MENGHINDARKAN DARIPADA TINDAKAN AKIBAT DARI PERSELIBIHAN FAHAM POLITIK. -- LAGI

1912MST 19 12 88

0729

8 8587 DAH
MAHATHIR - PERPADUAN 3 KUALA KUBU BAHARU

MENURUT PENERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR BERSAMA PERHIMPUNAN ITU, TAN SRI ABDUL JALIL HASSAN, BELIAU DAN MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN AKAN MENYERAHKAN SENDIRI RESOLUSI ITU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM SEDIKIT HARI LAGI.

YANG TURUT HADIR PADA PERHIMPUNAN MELAYU NESERI JOHOR ITU IALAH BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN OMN, BEKAS TINDALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN MENTERI PEMERANSAN DATUK MOHAMED RAHNAT. -- BERNAMA

1913MST 19 12 88